



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab ke atas sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

## “ANDAINYA INI RAMADAN TERAKHIR”

14 April 2023 / 23 Ramadan 1444

الْحَمْدُ لِلَّهِ<sup>1</sup> الَّذِي أَنْعَمَ عَلَيْنَا شَهْرَ رَمَضَانَ بِبِنِعْمَةِ الصِّيَامِ، وَفَضَّلَ أَيَّامَهُ عَلَى سَائِرِ الْأَيَّامِ،  
وَضَاعَفَ فِيهِ الْأَجُورَ وَالْإِنْعَامَ، وَشَرَعَ فِي نَهَارِهِ الصِّيَامَ وَفِي لَيْلِهِ الْقِيَامَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ  
إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ الْمَلِكُ الْعَلَّامُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ رَسُولُ  
السَّلَامِ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>2</sup> وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ يَا حَسَنَ إِلَى  
يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ<sup>3</sup> أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

### Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Marilah kita tingkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan semua larangan Nya, mengikhlaskan setiap amal, semoga kita sentiasa mendapat taufik dan hidayah serta diperkukuhkan iman mengabdikan diri semata-mata kepada Allah Yang Maha Esa. Mimbar akan membicarakan khutbah bertajuk: “ANDAINYA INI RAMADAN TERAKHIR”

Firman Allah SWT surah al-Qadar ayat 1 hingga 3:

﴿ إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ فِي لَيْلَةِ الْقَدْرِ ۝ وَمَا أَدْرَاكَ مَا لَيْلَةُ الْقَدْرِ ۝ لَيْلَةُ الْقَدْرِ خَيْرٌ مِنْ أَلْفِ شَهْرٍ ۝ ﴾

Bermaksud: Sesungguhnya Kami telah menurunkan (Al-Quran) pada Malam al-Qadar, Tahukah kamu apakah malam al-Qadar itu? Malam kemuliaan itu lebih baik daripada seribu bulan.

### Sidang Jemaah yang dirahmati Allah,

Begitu pantas masa berlalu. Hari ini kita sudah berada di minggu terakhir dan dalam fasa 10 hari terakhir Ramadan. Oleh itu mimbar memilih untuk menumpukan perhatian kepada dua perkara:

**Pertama:** Kelebihan 10 hari terakhir Ramadan.

<sup>1</sup> Memuji Allah

<sup>2</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>3</sup> Pesan Taqwa



**Kedua:** Memanfaatkan sebaik-baiknya hari-hari terakhir Ramadan dengan keinsafan akan kemungkinan Ramadan ini merupakan Ramadan terakhir bagi kita.

Ayat-ayat 1 hingga 3, Surah al-Qadr yang khatib baca pada awal khutbah, menceritakan malam al-Qadar, dan kelebihan yang melebihi 1000 bulan. Malam al-Qadar atau Lailatulqadar ialah malam kemuliaan dan kebesaran. Malam istimewa yang berlaku hanya pada bulan Ramadan. Amal ibadat yang dilakukan pada malam yang mulia ini, lebih besar pahalanya daripada amal ibadat yang dilakukan pada seribu bulan yang lain. Oleh sebab itu, sebuah hadis yang sahih menyatakan Nabi Muhammad SAW, biasanya bermula malam ke-21 Ramadan, Baginda membanyakkan amal ibadat sepanjang malam kerana mengharapkan amalannya itu bertepatan dengan malam al-Qadar yang berkat, yang berlakunya pada salah satu malam dari sepuluh atau sembilan malam yang akhir pada bulan Ramadan. Rasulullah SAW bersabda:

الْتَمِسُوهَا فِي الْعَشْرِ الْأَوَاخِرِ وَتَرًا

Bermaksud: “Carilah malam al-Qadar pada sepuluh malam terakhir pada malam yang ganjil”.  
(Hadis Riwayat Ahmad)

Ringkasnya, 10 malam terakhir Ramadan merupakan hadiah Allah SWT ke atas umat Nabi Muhammad SAW yang tidak patut kita lepaskan. Beramal pada malam tersebut, dinisbahkan seolah-olah beramal selama lebih kurang 83 tahun, dan dijanjikan pengampunan dosa-dosa kita yang telah lalu. Ummul Mukminin Aisyah RA meriwayatkan perlakuan Nabi SAW bila saat datangnya 10 hari terakhir Ramadan.

كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا دَخَلَ الْعَشْرُ شَدَّ مِئْزَرَهُ وَأَخْيَا لَيْلَهُ وَأَيَّقُظَ أَهْلَهُ

Bermaksud: “Bahawasanya Nabi SAW apabila masuk hari 10 terakhir Ramadan, Baginda akan mengetatkan kain (tidak menggauli isteri), menghidupkan malam tersebut dan mengejutkan ahli keluarganya (untuk turut menghidupkan malam).” (Riwayat al-Bukhari)

### **Jemaah yang dikasihi,**

Alhamdulillah telah 22 hari kita menyempurnakan puasa dan hari ini kita masih diberikan usia dan kesihatan melangkah ke-23 hari Ramadan. Semoga kita terus diberikan usia dan kesihatan untuk menyempurnakan sebulan puasa dan berpeluang menyambut Syawal. Pada saat-saat berada di penghujung Ramadan ini,



sewajarnya kita menginsafkan diri akan kemungkinan Ramadan ini merupakan Ramadan kita yang terakhir.

Oleh itu, marilah kita bermuhasabah. Adakah pada hari-hari Ramadan yang telah berlalu, kita telah sempurnakan ibadah puasa dengan sebaik-baiknya? Adakah ruang dan peluang beramal dalam bulan mulia ini, telah kita manfaatkan dengan sebaik-baik amal? Sudah kah kita melakukan sebaik-baik usaha dalam bulan yang penuh berkah ini untuk mendapatkan keampunan Ilahi? Adakah amalan puasa telah meningkatkan keinsafan kita untuk membantu golongan miskin dengan memperbanyakkan bersedekah dan menghentikan amalan boros berbelanja secara yang membazirkan?

Andai kata, Ramadan ini merupakan Ramadan terakhir kita, alangkah rugi, jika kita mensia-siakan peluang untuk mendapat ihsan keampunan Ilahi. Oleh itu, tingkatkan amalan kita, bertaubat dan perbanyakkan beristighfar, dampingkan diri kita agar lebih rapat dengan Allah SWT dalam tujuh hari terakhir Ramadan ini. Anggaplah ini Ramadan terakhir yang memberi peluang keemasan untuk kita mendapat pengampunan. Daripada Abu Hurairah RA beliau mendengar Rasulullah SAW bersabda:

... وَرَغِمَ أَنْفُ رَجُلٍ دَخَلَ عَلَيْهِ رَمَضَانُ ثُمَّ انْسَلَخَ قَبْلَ أَنْ يُغْفَرَ لَهُ ...

Bermaksud: Amat rugilah orang yang memasuki bulan Ramadan tetapi akhirnya (Ramadan berlalu) sedangkan dia tidak mendapat pengampunan Allah.

(Riwayat al Tirmizi)

Berpandukan hadis ini, dapat kita fahami bahawa Ramadan ialah hadiah Allah yang sangat besar yang menjadi asbab pengampunan Nya atas ketelanjuran dosa yang telah kita lakukan. Maka, kita wajib berusaha untuk mendapatkan hadiah yang ditawarkan oleh Allah SWT dengan bertaubat, meningkatkan amal, melakukan pelbagai kebajikan dan memperbanyakkan sedekah.

### **Sidang Jumaat yang dimuliakan Allah,**

Dalam melalui tujuh hari terakhir Ramadan, mimbar menyarankan enam perkara berikut;

**Pertama:** Memperingatkan diri bahawa kita masih berada dalam bulan yang dilimpahi segala kebaikan; dengan menjaga solat lima waktu, sebaik-baiknya berjemaah di masjid; memelihara amalan puasa daripada perkara yang mengurangkan pahala;



*berqiam* pada malam hari dengan bersolat tarawih dan witr, dilengkapi dengan solat taubat, solat istikharah, solat hajat, solat tahajud, dan solat tasbih; melazimkan al-Quran dan mengkhatamkannya dan jangan lepaskan peluang beriktikaf di masjid.

**Kedua:** Memohon keampunan Ilahi dengan membanyakkan istighfar dengan rasa insaf dan kesal atas segala dosa, kesalahan dan kesilapan yang pernah kita lakukan dan memohon agar Allah SWT melindungi dan menjauhkan kita daripada mengulangi melakukan dosa yang lalu.

**Ketiga:** Menunjukkan tanda syukur akan nikmat rezeki kurniaan Ilahi dengan menunaikan zakat, wakaf, infak dan sedekah yang akan menambah berkat atas diri dan harta kita.

**Keempat:** Menghindari amalan membazir dan boros.

**Kelima:** Menyantuni ibu bapa (lebih-lebih lagi mereka yang telah uzur dan lanjut usia), muliakan mereka, belailah mereka dengan kesabaran dan kasih sayang sebagaimana mereka membelai kita semasa kecil, kerana ibu bapa juga antara asbab terbesar membolehkan kita mendapat pengampunan dan syurga Ilahi. Dipohonkan doa keampunan dan kerahmatan ke atas roh ibu bapa yang telah pergi meninggalkan kita.

**Keenam:** Menghindari diri daripada ditenggelami keghairahan menyambut Syawal, sampai melupai keberkatan yang terkandung pada penghujung Ramadan; kurang beradab sifatnya, jika tetamu yang belum pulang (iaitu Ramadan) seolah-olah tidak lagi dimuliakan kerana ghairah dengan hari raya yang bakal menjelang.

Semoga Ramadan kali ini berupaya menjadikan kita hamba Allah yang bertakwa, yang diampuni segala dosa dan dilimpahi hidup berkat yang berjaya menemui *Siratulmustakim*.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ<sup>4</sup> حَمْدًا يُؤَافِي نِعَمَهُ وَيُكَافِي مَزِيدَهُ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>5</sup> وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ<sup>6</sup> وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

### Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyakkan selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا<sup>7</sup>  
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ<sup>8</sup>، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ وَأَلِّفْ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَثَبِّتْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ.

**Ya Allah! Ya Rabbal 'alamin!** Berkatilah kami pada bulan Ramadan, dapatlah kami ditemukan dengan malam *Lailatulqadar*, dan berilah kekuatan untuk kami menghidupkannya dengan amal kebaikan. Ampunilah segala dosa kami, dosa ibu bapa kami, dosa guru-guru kami, dan dosa seluruh umat Muslimin dan Muslimat.

<sup>4</sup> Memuji Allah

<sup>5</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>6</sup> Pesan Taqwa

<sup>7</sup> Ayat Al-Quran

<sup>8</sup> Doa untuk Kaum Muslimin



**Ya Mannan! Ya Razzaq!**, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan tuntutan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

**Ya Dzal Jalaali wal Ikram!**, jadikanlah kami antara hamba Mu yang memelihara amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat seperti salah guna harta benda bukan milik kami, memberi atau menerima rasuah, menyalahgunakan kuasa untuk kepentingan diri, serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab yang diamanahkan.

**Ya Maalikal Mulk!**, jauhi negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah dan ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

**Ya Malik! Ya Hadi!**, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ ﴿فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.﴾